

KAJIAN TINDAKAN

Definisi Kajian Tindakan

Kajian tindakan merupakan suatu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan oleh peserta dalam situasi sosial itu sendiri (pengamal / guru / pendidik) sebagai penyelidik melalui tindakan praktik (intervensi) yang bertujuan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti amalan masing-masing, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan. Ianya melibatkan proses merancang, melaksana, memerhati dan mereflek.

Ciri-ciri Kajian Tindakan

1. Situasi sebenar;
2. Konteks tugas seharian;
3. Secara individu atau berkumpulan;
4. Fokus utama ke atas amalan untuk memperbaiki dan memahami;
5. Tindakan praktis;
6. Membina amalan kepada teori;
7. Berterusan.

Kepentingan Menjalankan Kajian Tindakan

1. Mendapat sumber maklumat penting untuk memahami amalan pengajaran guru, amalan pembelajaran murid, keadaan murid, suasana dalam bilik darjah dan sebagainya;
2. Dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, memudahkan pencapaian objektif dan dapat pula memahami, mengubah dan memperbaiki amalan sendiri;

3. Dapat menyediakan guru sebagai penyelidik yang kritikal, kaya dengan idea baru, sanggup menerima perubahan dan berupaya membuat penilaian terhadap kurikulum dan kokurikulum;
4. Membentuk budaya penyelidikan sebagai asas dalam membuat sebarang perancangan untuk tindakan;
5. Meningkatkan penggunaan bahan dan membentuk jalinan kerja yang lebih aktif dan efektif;
6. Dapat merancang huraian mata pelajaran dengan lebih berkesan;
7. Merapatkan perhubungan antara guru yang terlibat melalui kerjasama secara kolaboratif.

Tujuan Kajian Tindakan

1. Membantu guru menghadapi cabaran;
2. Menyelesaikan masalah profesional tanpa merujuk arahan luar;
3. Mengeluarkan guru dari kongkongan amalan rutin;
4. Memberi kuasa(empowerment) untuk membuat keputusan dalam bilik darjah;
5. Menggalakkan guru berkongsi pengalaman;
6. Menjadi agen perubahan.

Format Penulisan Proposal Kajian Tindakan

1. Tajuk Kajian.
 - *Mengenal pasti kemahiran / masalah yang akan dikaji.*
 - *Dinyatakan dengan ringkas dan mengandungi hala tuju kajian.*
 - *Hendaklah tepat & padat (sebaiknya tidak lebih daripada 12 patah perkataan).*
2. Nama Penyelidik / Pasukan.
3. Nama Sekolah dan alamat.

4. Refleksi situasi yg lalu.

- *Ingat kembali pengalaman P&P yg lalu;*
- *Kaitkan pengalaman lalu dengan perkara utama dalam P&P;*
- *Rujuk kepada data yang dikumpul serta yang telah dianalisis seperti markah ujian, semakan buku latihan, temu bual, pemerhatian dalam kelas;*
- *Nyatakan perasaan berkaitan perkara / topik P&P / permasalahan yang ingin diperbaiki;*
- *Tindakan/sikap pelajar yang membawa kepada permasalahan tersebut;*
- *Refleksi tentang diri guru.*

5. Isu keprihatinan/ Fokus Kajian.

- *Fokus kepada aspek yang mempunyai kaitan langsung dengan minat dan keperluan anda dalam bilik darjah;*
- *Data yang diperlukan bagi memperjelaskan persoalan tersebut boleh dikumpul, bukan sesuatu di luar kemampuan;*
- *Fokus kepada aspek/bidang yang anda mempunyai kuasa/keupayaan untuk mengubah atau melakukan sesuatu.*

6. Objektif Kajian.

- Objektif umum:
 - *Mengikut apa yang dipilih dalam tajuk.*
- Objektif khusus
 - *Boleh diukur;*
 - *Boleh dilaksana;*
 - *Bukan sahaja untuk mengubah sikap murid tetapi mesti juga perubahan kepada sikap guru, pengajaran guru dan cara menghadapi murid.*

7. Kumpulan Sasaran.

8. Tindakan yang dicadangkan.

- *Nyatakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan;*
- *Nilai bagi sesuatu Kajian Tindakan terletak pada tindakan/aktiviti intervensi yang akan dijalankan;*
- *Aktiviti yang disediakan hendaklah berdasarkan proses yang berlaku dalam bilik darjah dan juga selari dengan objektif khusus kajian;*
- *Aktiviti yang disediakan sebaik-baiknya berbeza daripada apa yang selalu dijalankan.*

9. Jadual pelaksanaan.

10. Kos kajian.

Perbezaan antara Format Penulisan Proposal dan Laporan Kajian Tindakan

BIL	TAJUK	Proposal	Laporan
1	Tajuk Kajian	√	√
2	Nama Penyelidik	√	√
3	Nama dan Alamat Sekolah	√	√
4	Penghargaan	X	√
5	Abstrak	X	√
6	Halaman Kandungan	√	√
7	Refleksi P&P Lalu	√	√
8	Isu Keprihatinan/ Fokus Kajian	√	√
9	Objektif Kajian	√	√
10	Kumpulan Sasaran	√	√
11	Jadual pelaksanaan	√	X
12	Kos Bahan kajian	√	X
13	Perancangan Tindakan	√ (akan)	√ (telah)
14	Pelaksanaan Tindakan	X	√ (telah)
15	Dapatan Kajian	X	√
16	Refleksi Kajian	X	√
17	Cadangan Kajian Tindakan Seterusnya	X	√
18	Rujukan	X	√
19	Lampiran	X	√